



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MOU) ANTARA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
(MBSP) DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**11 OKTOBER 2021 (ISNIN)
10.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA, MENARA BANDAR RAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Salmiah Kasolang

Rektor

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Yang Berbahagia Profesor Madya ChM Nor Aziyah Bakhari

Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri. Masyarakat & Alumni

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Yang Berbahagia Ts. Dr Mohd Rozaiman Aziz

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Hashim Fadzil Ariffin

Ketua Pusat Pengajian

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pensyarah-Pensyarah Kanan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, saya lafazkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (Mou) Antara Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang dapat dilaksanakan pada pagi ini di Dewan Kenanga, Menara MBSP.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Ketua-Ketua WHIP Parti, Ahli-Ahli Majlis, Tuan Pemangku Setiausaha Bandar Raya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan, rakan-rakan media yang saya kasihi, dan seluruh warga kerja MBSP atas usaha dan sokongan yang tidak pernah berbelah bagi terhadap Datuk Bandar dan MBSP.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Salbiah Kasolang, Rektor Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang yang sudi hadir untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam menjalin kerjasama strategik

yang menggunakan menggunakan pendekatan *Smart Partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*).

Ini merupakan kali pertama, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dilaksanakan dengan UiTM. Pentadbiran MBSP meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada *philosopher* dari kalangan pensyarah universiti dan pemikir serta profesional. Saya berpendapat menara gading dan pihak berkuasa tempatan seharusnya bergabung untuk menerokai kekuatan perkongsian dalam memberi manfaat kepada rakyat.

**Yang Berbahagia Profesor, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

MBSP dan UiTM pernah berkolaborasi sebelum ini pada ketika MBSP melaksanakan “*Seberang Perai International Conference on Eco Tourism and Conservation*” (SPICEC) pada tahun 2016 dan 2018. UiTM merupakan salah sebuah institusi pendidikan tinggi yang turut menjadi pembentang dan juga menghantar penyertaan daripada pelajar-pelajar pelbagai bidang menghadiri konferen SPICEC tersebut.

Pada 15 September 2021 yang lalu, pihak UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menjemput MBSP sebagai pembentang jemputan dalam “*International Joint Conference on Hospitality and Tourism-2021*” (IJCHT-21) untuk berkongsi pengalaman dan *best practices* di Seberang Perai.

Jalinan kerjasama yang dimeterai melalui MoU pada hari ini dapat memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk mengadakan program-program usahasama yang meliputi pelbagai bidang, iaitu:-

- i. Penganjuran persidangan, seminar dan bengkel;
- ii. Penyelidikan, penerbitan dan perundingan;
- iii. Penganjuran aktiviti kemasyarakatan, sukarelawan dan penjagaan alam sekitar; dan
- iv. Latihan industri pelajar

Saya berpendirian bahawa Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ini bukan merupakan awalan kepada kerjasama atau kolaborasi antara dua organisasi MBSP dan UiTM, tetapi lebih sebagai pembuka jalan dan pendorong untuk meningkatkan kerjasama yang lebih jauh dalam pelbagai bidang. Untuk perancangan jangka panjang, MBSP

dan UiTM akan dapat mengwujudkan kolaborasi dalam mencari ruang dan peluang untuk pembangunan salah satu sub-sektor ekopelancongan dan pemuliharaan dan pemeliharaan alam semula jadi seperti pengwujudan *wetland* dari sumber alam semulajadi serta penghasilan produk daripada jerami padi bagi menggalakkan kelestarian alam sekitar serta kemajuan teknologi hijau dan sebagainya.

MBSP juga berharap kolaborasi MBSP dan UiTM akan membuka jalan ke arah mencari penyelesaian banjir secara semula jadi melalui *Natural Flood Management* yang melibatkan kajian dalam pelaksanaan langkah-langkah memulihkan semula fungsi-fungsi semula jadi sungai-sungai, dataran banjir dan kawasan tadahan yang lebih luas atau lembangan; menadah dan menyimpan air dalam landskap dan memperlambatkan kadar aliran keluar air daripada landskap ke dalam sungai; dan pada masa yang sama meningkatkan kualiti air.

**Yang Berbahagia Profesor, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

MOU ini selaras dengan aspirasi Seberang Perai dalam mencapai Bandar Rendah Karbon menjelang 2022 dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi. Diharap dengan adanya persefahaman ini dapat membuka ruang dan peluang untuk menjana idea kreatif dan inovatif seterusnya dapat dimantapkan dengan kepakaran dan ilmu dari pihak UiTM. Selain itu juga, hasil kolaborasi ini dapat memberi manfaat kepada komuniti setempat dan kepada kedua-dua pihak.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian dan merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat ke arah termeterainya Memorandum Persefahaman pada pagi ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata saya ini, saya amat berharap yang permeteraian Memorandum Persefahaman ini akan merancakkan bidang-bidang kerjasama yang sedia ada di antara MBSP dan UiTM di samping menjana kerjasama yang baru yang memberi impak dan manfaat kesejahteraan hidup ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah

Karbon dan Bandaraya Pintar di Seberang Perai menjelang tahun 2022 dengan tagline MBSP iaitu “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*”.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.